OLE BELI BENGKEL KAYU

Tahun 1916, Ole Kirk Cristiansen berjaya membeli sebuah bengkel kayu hasil simpanannya sebagai tukang kayu. Walaupun hanya bersekolah menengah, Ole tetap ada cita-cita tinggi untuk berjaya.

Nasib malang menimpanya apabila bengkel terbakar pada tahun 1924.

TIDAK MUDAH PUTUS ASA

Tetapi Ole tidak berputus asa. Dia lalu membangunkan sebuah bengkel yang lebih besar di Billund sebuah bandar di tengah Denmark. Ole mengambil lebih ramai pekerja dan keluarkan lebih banyak produk kayu.

MENJAGA KEBAJIKAN PEKERJANYA

Ole seorang yang terkenal dengan sikap menjaga kebajikan para pekerjanya. Dia juga seorang yang sangat teliti dan sangat menjaga kualiti barang yang dijual.

BERLAKU GREAT DEPRESSION

Tapi, malang tak berbau, masalah ekonomi dunia berlaku. Bisnesnya jatuh teruk sewaktu Great Depression. Dia terpaksa memberhentikan seorang demi seorang pekerjanya.

ISTERI OLE MENINGGAL

Malang menimpanya lagi. Isterinya pula meninggal dunia dan meninggalkan 4 orang anak lelaki bersamanya.



BENGKEL ALAT MAINAN

Pada ogos 1932, Ole mengunakan saki baki kayu dari bengkelnya untuk membuat mainan kanak-kanak. Dia buat secara kecil-kecilan. Kemudian meningkat perlahan-lahan hingga akhirnya dia dapat ambil balik pekerja lamanya dulu.

Dia buat secara kecil-kecilan. Kemudian meningkat perlahanlahan hingga akhirnya dia dapat ambil balik pekerja lamanya dulu.

Dari situlah bermulanya idea penciptaan alat mainan kayu.

GODFRED ANAK OLE MENYERTAINYA

Ole beruntung kerana anak ketiganya yang bernama Godfred menunjukkan minat untuk membantu ayahnya. Gandingan dua beranak ini melancarkan banyak urusan. Akhirnya Ole menjual sendiri barangannya. Walaupun tidak laku, Ole tetap teruskan usahanya.



BENGKEL ALAT MAINAN

Pada 1934, nama Lego digunakan sebagai nama syarikat mereka. Asal perkataan Leg Godt yang bermaksud "Play Well" dalam bahasa Denmark. Tuah bermula, apabila tanpa disedari, perkataan Lego membawa maksud "i put it together" dalam bahasa latin.

Ini menjadikan nama produk mereka senang diterima diluar Denmark. Penghujung 1930an, syarikat mula membuat keuntungan. Ole banyak mengunakan wang untuk invest beli mesin untuk produk yang lebih baik kualiti.

KILANG TERBAKAR LAGI

Pada tahun 1942 berlaku ribut petir yang menyebabkan kilangnya terbakar. Semua mainan dan kedai terbakar. Akhirnya dia buat kilang baru dengan batu yg lebih proper dan kukuh.

Tahun 1946 Ole ke Conpenhagen untuk melihat pameran mesin baru. Dia berminat dengan sebuah mesin untuk membuat plastik.

MENGHASILKAN PRODUK PLASTIK

Pada 1947 dia membeli mesin tersebut dan mula membuat produk dari plastik tanpa menghentikan produk kayu. Pada 1954 Godfred dapat idea untuk meletakkan sistem pada set lego.

GODFRED UPGRADE LEGO

Godfred berjaya membuat kanak-kanak mampu mencantum mainan mengikut imaginasi mereka sendiri. Antara masalah besar yang dihadapi di peringkat awal ialah, setiap binaan dari lego tidak melekat ketat. Namun pada 1958 Godfred telah berjaya buat lego yang ketat, tidak mudah tercabut. Namun kejayaan ini tak sempat dilihat Ole.

OLE MENINGGAL DUNIA

Ole meninggal dunia kerana sakit jantung pada 11 mac 1958, ketika umur 66 tahun. Selepas itu Godfred mengambil-alih syarikat. Tahun 1960 kilang mereka terbakar lagi. Produk kayu semua habis hangus.

HASILKAN PRODUK PLASTIK SEPENUHNYA

Akhirnya selepas 15 tahun membuat produk mainan kayu, godfred memutukan untuk menghasilkan produk plastik sepenuhnya. Ketika itu lego sudah ada 450 orang pekerja.

MASUK PASARAN AMERIKA CANADA

Pada tahun 1961 Lego masuk ke pasaran Amerika dan Canada melalui Samsonite, iaitu sebuah syarikat membuat beg. Selepas itu barulah Lego mula mencapai kejayaan yang kukuh satu-persatu.

TAMAN TEMA LEGO

1968 sebuah taman tema Legoland dibina di Billund kerana memenuhi permintaan orang ramai yang ingin melawat kilang mereka.

ANAK GODFRED SERTAI LEGO

Pada 1972 anak Godfred, bernama Kjeld pula sertai syarikat. Kjeld mengadakan syarikat lebih semasa dengan zaman. 1975 - 1977 mereka mula buat komponen mekanikal seperti gear, skru, rod dan lain-lain. 1978 Lego mula membuat kapal angkasa, astronaut dan kelengkapan angkasa lepas. Tahun 1979 Kjeld mengantikan ayahnya Godfred sebagai presiden.

SYARIKAT MAINAN TERBAIK DUNIA

1990 Lego menjadi antara 10 syarikat pembuatan mainan terbaik di dunia. Tahun yang sama Legoland Malaysia pula dibina.

GODFRED MENINGGAL DUNIA

Pada tahun 1995 Godfred meninggal dunia dan kemudian syarikat diterajui sepenuhnya oleh Kjeld.

LEGO KE FILEM

2014 syarikat filem Warner Bros dan The Lego Grope keluarkan The Lego Movie. 2017 Warner Bros dan DC Entertaintment keluarkan The Lego, Batman Movie. 2019 The Lego Movie 2, The Second Part. Sesuai dengan prinsip datuk mereka Ole yg berbunyi, "only the best is good enough" : " hanya yang terbaik, itu baru benar-benar berbaloi".

LEGO BERUSIA 89 TAHUN

Kini, Lego merupakan sebuah syarikat gergasi berusia 89 tahun. Mempunyai 18,800 pekerja di seluruh dunia. Walaupun tidak ke bursa saham, pendapatan bersih Lego mengikut data pada 2019 lalah berjumlah 1.32 billion. Ini menjadikan lego sebagai syarikat permainan paling untung di dunia pada ketika itu.

PENGAJARAN

- Lego ajar sifat tidak berputus asa dengan cabaran yang dihadapi.
- Jangan pernah merasa puas dengan apa yang dicapai.
- Sentiasalah upgrade seperti yang dilakukan Ole, Godfred dan Kjeld terhadap Lego.

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

"Allah bersama orang-orang yang sabar. "

(Al-Baqarah : 153)

www.ustazpro.com

This document was prepared by and is the property of USTAZ PRO; neither it nor any part nor a copy thereof is to be published or disclosed without first securing the express written approval from USTAZ PRO.